

Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2025

Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan Pada 31 Disember

SGD'000	Kumpulan		Bank	
	2025	2024 (Dinyatakan semula)	2025	2024 (Dinyatakan semula)
Aset				
Tunai dan baki dengan bank pusat	464,458	341,241	342,480	259,488
Sekuriti kerajaan dan bil perbendaharaan	1,447,803	1,483,833	1,247,357	1,267,845
Baki dan penempatan dengan bank	146,629	204,665	74,473	18,582
Instrumen hutang dan ekuiti	257,563	11	255,139	11
Pinjaman kepada pelanggan	977,816	226,321	776,667	224,878
Aset lain	58,834	42,511	39,450	15,737
Pelaburan dalam subsidiari	-	-	262,895	184,945
Aset hak guna	5,831	6,289	3,643	5,442
Hartanah dan peralatan	1,533	1,388	-	813
Muhibah dan aset tak ketara	29,064	11,290	7,558	7,051
Jumlah aset	3,389,531	2,317,549	3,009,662	1,984,792
Liabiliti				
Deposit daripada pelanggan bukan bank	2,300,760	1,664,652	1,793,340	1,263,138
Liabiliti lain	270,179	129,811	237,724	106,801
Liabiliti pajakan	6,174	6,177	3,828	5,442
Jumlah liabiliti	2,577,113	1,800,640	2,034,892	1,375,381
Aset bersih	812,418	516,909	974,770	609,411
Ekuiti				
Modal saham	1,393,052	1,089,641	1,393,052	1,089,641
Rizab	179,814	(16,071)	180,877	(10,955)
Kerugian terkumpul	(758,279)	(568,779)	(599,159)	(469,275)
	814,587	504,791	974,770	609,411
Kepentingan bukan kawalan	(2,169)	12,118	-	-
Jumlah ekuiti	812,418	516,909	974,770	609,411

Penyata Untung atau Rugi Kumpulan bagi Tahun Kewangan Berakhir Pada 31 Disember

SGD'000	Kumpulan		Bank	
	2025	2024	2025	2024
Pendapatan faedah	94,990	59,765	70,790	44,126
Perbelanjaan faedah	(39,409)	(29,532)	(31,512)	(17,281)
Pendapatan faedah bersih	55,581	30,233	39,278	26,845
Pendapatan yuran dan komisen bersih/(perbelanjaan)	5,587	(1,568)	1,605	1,380
Pendapatan bersih daripada sekuriti pelaburan	3,231	944	3,053	974
Pendapatan lain	5,204	2,480	18	378
Pendapatan bukan faedah	14,022	1,856	4,676	2,732
Jumlah pendapatan	69,603	32,089	43,954	29,577
Kos kakitangan	(123,972)	(125,518)	(71,980)	(87,449)
Susut nilai	(4,113)	(3,441)	(2,634)	(2,898)
Pelunasan aset tak ketara	(3,410)	(4,911)	(2,509)	(4,775)
Perbelanjaan operasi lain	(86,114)	(89,220)	(57,383)	(57,257)
Jumlah perbelanjaan operasi	(217,609)	(223,090)	(134,506)	(152,379)
Kerugian sebelum peruntukan	(148,006)	(191,001)	(90,552)	(122,802)
Peruntukan kerugian kredit dan kerugian lain	(58,426)	(22,928)	(41,501)	(22,571)
Kerugian sebelum cukai	(206,432)	(213,929)	(132,053)	(145,373)
Perbelanjaan cukai pendapatan	(1,689)	(394)	-	-
Kerugian bagi tahun kewangan	(208,121)	(214,323)	(132,053)	(145,373)
Kerugian diagihkan kepada:				
- Pemegang ekuiti Bank	(191,995)	(196,181)	(132,053)	(145,373)
- Kepentingan bukan kawalan	(16,126)	(18,142)	-	-
	(208,121)	(214,323)	(132,053)	(145,373)

Nota bagi Penyata Kewangan

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan yang diaudit, dan pemahaman penuh terhadap penyata tidak boleh dicapai tanpa merujuk kepada set lengkap penyata kewangan. Nota kepada akaun boleh diperolehi atas permintaan daripada Bank kami.

Komponen Modal dan Nisbah Kecukupan Modal

Selaras dengan perkara 7 dalam Notis MAS 608, komponen modal dan nisbah kecukupan modal pada 31 Disember adalah:

SGD'000	Kumpulan	
	2025	2024
Komponen modal		
Modal Ekuiti Biasa Tahap 1	608,951	498,036
Modal Tahap 1	608,951	498,620
Modal Tahap 2	11,912	4,067
Jumlah Modal Layak	620,863	502,687
Aset Berwajaran Risiko		
Risiko kredit	952,976	263,170
Risiko pasaran	120,102	73,530
Risiko operasi	61,836	27,579
	1,134,914	364,279
Nisbah modal (dalam %)		
Nisbah Ekuiti Biasa Tahap 1	54	137
Nisbah Tahap 1	54	137
Nisbah Jumlah Modal	55	138

Laporan Juruaudit Bebas kepada Ahli-ahli GXS Bank Pte. Ltd.

Laporan audit penyata kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan GXS Bank Pte. Ltd. ("Bank") dan anak-anak syarikatnya ("Kumpulan"), yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan disatukan bagi Kumpulan dan penyata kedudukan kewangan bagi Bank pada 31 Disember 2025, dan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain yang disatukan, penyata perubahan ekuiti yang disatukan dan penyata aliran tunai yang disatukan bagi Kumpulan pada tahun berakhir pada tarikh tersebut, serta nota bagi penyata kewangan, termasuk maklumat penting dasar perakaunan, seperti yang dinyatakan pada halaman FS1 hingga FS86.

Pada pendapat kami, penyata kewangan disatukan bagi Kumpulan dan penyata kedudukan kewangan bagi Bank yang disertakan telah disediakan selaras dengan peruntukan Akta Syarikat 1967 ("Akta") dan Piawaian Pelaporan Kewangan Singapura (Antarabangsa) ("SFRS(I)s") untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan disatukan bagi Kumpulan dan kedudukan kewangan bagi Bank pada 31 Disember 2025, serta prestasi kewangan yang disatukan, perubahan ekuiti yang disatukan dan aliran tunai yang disatukan bagi Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Asas pendapat

Kami menjalankan audit kami selaras dengan Piawaian Pengauditan Singapura ("SSAs"). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diterangkan lebih lanjut di bahagian "Tanggungjawab juruaudit dalam audit penyata kewangan" dalam laporan kami. Kami bebas daripada Kumpulan selaras dengan kod Penguasa Pengawasan Perakaunan dan Korporat bagi Perlakuan dan Etika Profesional bagi Akauntan Awam dan Entiti Perakaunan ("Kod ACRA"), sebagaimana yang terpakai bagi audit penyata kewangan bagi entiti berkepentingan awam, bersama dengan keperluan etika yang relevan dengan audit penyata kewangan bagi entiti berkepentingan awam di Singapura. Kami juga telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain selaras dengan keperluan ini dan Kod ACRA. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan wajar untuk menyediakan asas bagi pendapat kami.

Maklumat lain

Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap maklumat lain yang terkandung dalam laporan tahunan. Maklumat lain ditakrifkan sebagai semua maklumat dalam laporan tahunan selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit kami mengenainya.

Kami telah memperoleh semua maklumat lain sebelum tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami tentang penyata kewangan tersebut tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya sebagai sebahagian daripada tugas kami untuk mengaudit penyata kewangan disatukan tersebut.

Berhubung dengan pengauditan kami terhadap penyata kewangan tersebut, tanggungjawab kami adalah untuk meneliti maklumat lain, dan dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain itu tidak selaras secara material dengan penyata kewangan atau pengetahuan yang kami peroleh daripada audit, atau sebaliknya mencerminkan salah nyata material. Sekiranya, berdasarkan tugas yang telah kami lakukan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material bagi maklumat lain ini, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab pihak pengurusan dan pengarah bagi penyata kewangan

Pihak pengurusan bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan yang memberikan gambaran yang benar dan saksama selaras dengan peruntukan Akta dan SFRS(I)s, serta merangka dan mengekalkan sistem kawalan perakaunan dalaman yang mencukupi untuk memberikan jaminan yang munasabah bahawa aset dilindungi daripada kerugian akibat penggunaan atau pelupusan tanpa kebenaran; dan transaksi mendapat kebenaran sewajarnya dan direkodkan sebagai satu keperluan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang benar dan saksama serta mengekalkan akauntabiliti aset.

Dalam penyediaan penyata kewangan, pihak pengurusan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan untuk terus beroperasi sebagai usaha berterusan, mendedahkan, jika berkenaan, perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan itu, melainkan pihak pengurusan bercadang sama ada untuk membubarkan Kumpulan atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain daripada berbuat demikian.

Tanggungjawab pengarah termasuk menyelia proses pelaporan kewangan Kumpulan.

Tanggungjawab juruaudit bagi pengauditan penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah tentang sama ada penyata kewangan tersebut secara keseluruhannya bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan jaminan bahawa pengauditan yang dijalankan selaras dengan SSAs akan sentiasa mengesan salah nyata material sekiranya ada. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap penting jika, secara individu atau dalam agregat, ia boleh dijangka sewajarnya untuk mempengaruhi keputusan ekonomi para pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan selaras dengan SSAs, kami menjalankan penilaian profesional dan mengekalkan sikap skeptisisme profesional sepanjang audit tersebut. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, mereka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko tersebut, dan memperoleh bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas bagi pendapat kami. Risiko ketidakbolehan pengesanan salah nyata material akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat daripada kesilapan, kerana penipuan boleh melibatkan suhabat, pemalsuan, ketinggalan sengaja, salah nyata, atau penipian kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman tentang kawalan dalaman yang relevan dalam audit untuk mereka bentuk prosedur audit yang sesuai dengan keadaan, tetapi bukan bagi tujuan pernyataan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan serta pendedahan berkaitan yang dibuat oleh pihak pengurusan.
- Membuat kesimpulan tentang kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh pihak pengurusan, dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian material berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan ketara terhadap keupayaan Kumpulan untuk terus beroperasi sebagai usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk melaporkan dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan, atau jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah suai pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Kumpulan tidak dapat beroperasi sebagai usaha berterusan.
- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili urusan niaga dan peristiwa pendasar yang mencukupi pembentangan yang saksama.
- Merancang dan melaksanakan audit kumpulan untuk memperoleh bukti audit bersesuaian yang mencukupi mengenai maklumat kewangan bagi entiti atau unit perniagaan dalam kumpulan sebagai asas untuk membentuk pendapat terhadap penyata kewangan kumpulan. Kami bertanggungjawab ke atas panduan, penyeliaan dan semakan kerja audit yang dilaksanakan bagi tujuan pengauditan kumpulan. Kami bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan para pengarah mengenai, antara perkara lain, skop dan pemasangan audit yang dirancang serta penemuan audit yang penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa menjalankan audit kami.

Laporan mengenai keperluan undang-undang dan pengawalseliaan lain

Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Bank dan syarikat subsidiari yang diperbadankan di Singapura dengan keadaan kami sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut.

KPMG LLP

Akauntan Awam dan Akauntan Bertauliah

Singapura

23 Mac 2026

Pengarah dan Syarikat Subsidiari

Nama Pengarah (pada tarikh penyata bersama 23 Mac 2026)

Alexander Charles Hungate
Anthony Tan Ping Yeow
Chua Kim Leng
Hsieh Fu Hua
Lang Tao Yih, Arthur (juga dikenali sebagai Lan Daoyi, Arthur)
Zaiton Binti Mohd Hassan
Chen Jun (dilantik pada 6 Mac 2025)
Lai Pei Si (dilantik pada 5 Ogos 2025)
Muthukrishnan Ramaswami (bersara pada 31 Mei 2025)

Nama Syarikat Subsidiari

GX Bank Berhad
Neo Services Holdings Pte. Ltd.
GRXST Software Services Private. Limited.*
Neo Services Sdn. Bhd.*
Validus Capital Pte. Ltd.

*Anak syarikat yang dipegang oleh Neo Services Holdings Pte. Ltd., sebuah syarikat pemegang pelaburan di bawah GXS Bank Pte. Ltd.